

28 DEC 1999

Mahathir-Jawatan

MAHATHIR PERTAHAN JAWATAN PRESIDEN UMNO JIKA DICALONKAN SEMULA

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini beliau akan mempertahankan jawatan Presiden Umno jika dicalonkan semula pada pemilihan parti itu yang dijadual tahun depan.

"Kalau saya masih dicalonkan untuk jawatan presiden saya akan mempertahankannya," kata beliau dalam temuramah dengan RTM di Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya.

Dr Mahathir ditanya sama ada beliau akan mempertahankan jawatan presiden Umno yang dipegangnya sejak Jun 1981 itu.

Dr Mahathir mengekalkan jawatan itu tanpa bertanding sejak selepas pemilihan Umno 1987.

Mengenai cadangan beberapa orang pemimpin parti itu supaya perhimpunan agung Umno tahun depan diadakan secepat mungkin, Dr Mahathir berkata ia akan diadakan secepat mungkin jika itu permintaan parti.

Bagaimanapun, beliau berkata beliau tidak harus memberi pendapat mengenai tarikh perhimpunan agung Umno kerana "yang lain mungkin terpengaruh."

"Saya lebih suka mendengar pendapat semua orang. Kalau mereka nak sesuatu mereka boleh menyuarakannya," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata, mungkin juga ada di kalangan anggota Umno yang tidak setuju dengan pandangan atau cadangan supaya perhimpunan agung itu diadakan lebih awal.

"Kita harus dengar juga (pandangan mereka)," kata beliau.

Mengenai kemunculan generasi baru dalam Umno yang ingin mengambil alih kepimpinan parti pada masa akan datang, Dr Mahathir berkata mereka tetap akan mengambil alih kepimpinan Umno.

"Generasi lama tak mungkin kekal kerana mungkin sesetengah daripada mereka tak ada lagi dalam dunia ini (pada masa pengambil alihan itu). Jadi, generasi baru akan mengambil alih," kata beliau.

Bagaimanapun, beliau berkata generasi baru yang ingin mengambil alih kepimpinan parti harus membuatnya secara teratur dan mengikut peraturan Umno dengan tidak menjejaskan atau melemahkan parti.

"Tidak harus ada perebutan," kata beliau.

Dr Mahathir juga mengulangi permintaannya semalam supaya masyarakat Islam bersatu padu dan melupakan sebarang perselisihan.

Beliau berkata, semasa pilihan raya umum pada 29 Nov lepas, pelbagai pihak telah mengeluarkan bermacam-macam tuduhan dan kata-kata kesat.

"Tetapi sekarang pilihan raya sudah tamat dan lagipun kita sekarang berada dalam bulan puasa, bulan Ramadan.

"Dan dalam bulan puasa bagi orang Islam terutamanya, mereka harus mengamalkan semua ajaran Islam termasuk merapatkan hubungan antara mereka," kata Dr Mahathir.

"Mereka harus berkumpul di masjid untuk melakukan sembahyang terawih. Dan dengan itu kita dapat melupakan perselisihan antara kita," katanya.

Perdana Menteri berkata mereka juga tidak harus membangkit perkara-perkara yang boleh memecah belahkan orang-orang Islam khususnya.

"Ini kerana walaupun kita terbahagi kepada parti-parti politik yang berlainan, tetapi kita semua masih orang Islam dan orang Islam harus bersatu padu," kata Dr Mahathir.

Mengenai kerjasama kerajaan pusat dengan kerajaan negeri Kelantan dan Terengganu pimpinan PAS, Dr Mahathir berkata kerajaan pusat akan

bekerjasama dengan mana-mana Kerajaan Negeri.

"Tetapi seperti yang saya kata dahulu, ia mestilah `dua hala' iaitu bukan sahaja datang daripada satu pihak (tetapi) kedua-dua pihak mestilah mempunyai keinginan untuk bekerjasama," tambah beliau.

-- BERNAMA

ES PR